

14/12/1998

Elak tanah tumpah darah tergadai

PERHIMPUNAN Agung Khas Umno semalam bukan saja berjaya meminda beberapa peruntukan dalam Perlembagaan parti itu dengan matlamat untuk memantapkan lagi pertubuhan yang menjadi kemegahan orang Melayu dan rakyat Malaysia. Apa yang lebih penting, ia menimbulkan kesedaran baru betapa Umno perlu dipelihara untuk selama-lamanya bak kata pepatah, 'tidak lekang dek panas, tidak reput dek hujan'. Setiap orang Melayu tidak mempunyai jalan lain yang lebih luhur, melainkan memastikan Umno terus kuat, diterima oleh semua orang Melayu, padu dan tidak mudah dirobekkan oleh anasir yang memang mahu melihat orang Melayu berpecah-belah.

Sama ada ia dicetuskan dari dalam atau luar parti, kedua-duanya adalah sama bahayanya kepada masa depan Umno dan orang Melayu serta negara. Memang Umno sudah menempuh pelbagai dugaan, malah dugaan yang lebih besar pun dapat dihalang. Tetapi, ketika negara menghadapi pelbagai masalah, ketika ada kuasa luar cuba melemahkan perpaduan negara, sepatutnya semua rakyat memperkuat benteng pertahanan. Tetapi, apa yang berlaku hari ini, ada orang Melayu sendiri mendokong slogan kuasa itu.

Umno kini diduga sekali lagi. Memburukkan lagi keadaan ialah tindakan orang Melayu sendiri, akibat didorong perasaan taksub terhadap seseorang, mula menunjukkan sikap menjadi penentang kepada Umno. Ia mungkin boleh ditafsirkan sebagai satu proses memantapkan orang Melayu tetapi risiko yang dihadapi begitu besar. Kesempatan ini digunakan sepenuhnya oleh parti pembangkang terutamanya Pas yang menangguk di air keruh.

Disebabkan tempoh pilihan raya umum akan diadakan pada bila-bila masa sebelum April tahun 2000, Umno terpaksa menghadapi ujian sekali lagi. Hanya orang Melayu yang dapat menyelamatkan Umno. Mereka boleh membuat pilihan sama ada mahu melihat masa depan orang Melayu terus terjamin atau tersungkur ke bumi. Bagi orang Melayu tindakan menggugat Umno yang boleh membawa kepada kehancurannya adalah suatu perbuatan yang memilukan kerana Umno bukan saja tempat orang Melayu bergantung, malah Umno sendiri adalah lambang Melayu. Selama ini orang Melayu berjaya menentang penjajahan kerana mereka bersatu padu dan kemakmuran yang dikecapi kerana usaha Umno yang berjaya memerintah negara dengan baik. Jika Umno pincang, dikhuatirkan orang Melayu tentunya menjadi rakyat terpinggir.

Sebagaimana diungkapkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Perhimpunan Agung Khas Umno, semalam: "Parti penting. Individu tidak penting. Individu datang dan pergi, tetapi parti kekal jauh lebih lama. Perjuangan tidak tamat kerana individu gagal. Tetapi perjuangan akan tamat jika parti hancur." Bagi mereka yang dapat menghayati dengan mendalam nasihat Dr Mahathir ini, kenyataannya itu begitu memilukan, seandainya orang Melayu sendiri seolah-olah sudah berpatah arang. Dalam keadaan getir begini bukanlah waktunya untuk 'membakar kelambu' kerana yang rugi adalah orang Melayu sendiri. Jika ada antara orang Melayu yang mungkin terdorong untuk mencabar ketuanan orang Melayu sendiri, maka wajarlah mereka merenung jauh terhadap bangsa mereka. Sanggupkah mereka melenyapkan bangsa mereka di bumi ini?

Oleh itu, selain pemimpin, orang Melayu sendiri perlu ikhlas, jujur dan sayangkan parti bagi meneruskan kesinambungan perjuangannya. Adalah mudah untuk merobekkan parti tetapi untuk menyambung yang carek, memerlukan satu proses yang panjang. Jika Umno berada pada satu tahap yang begitu membanggakan sekarang, jagalah parti itu demi masa depan anak bangsa. Jika pembaharuan perlu dilakukan dalam parti bagi menentukan kedudukannya,

proses itu hendaklah dilakukan demi kemantapannya untuk dapat menghadapi pilihan raya akan datang dengan jayanya. Umno mesti diberi laluan untuk terus memerintah demi kepentingan orang Melayu sendiri. Mereka janganlah hendaknya menjadi penghalang terhadap perjuangan ini supaya tanah tumpah darah tidak tergadai.

Dengan itu Umno sama ada menerusi badan induk dan biro-bironya, pergerakan Pemuda dan Wanita perlu mengatur gerakan besar-besaran menghadapi rakyat untuk menjelaskan kedudukan hari ini dan masa depan bangsa dan negara. Program untuk rakyat sebagaimana pernah dilakukannya sebelum ini, perlu diperhebatkan semula di segenap pelusuk negara. Jika sebelum ini pergerakan Wanita boleh menganjurkan pelbagai program untuk wanita manakala pergerakan Pemuda dengan pelbagai kursus di peringkat desa, ia perlu diperhebatkan semula. Kita tidak mahu nanti, `bila terantuk, baru terngadah.'

(END) PERHIMPUNAN Agung Khas Umno semalam bukan saja berjaya meminda beberapa peruntukan dalam Perlembagaan parti itu dengan matlamat untuk memantapkan lagi pertubuhan yang menjadi kemegahan orang Melayu dan rakyat Malaysia. Apa yang lebih penting, ia menimbulkan kesedaran baru betapa Umno perlu dipelihara untuk selamanya bak kata pepatah, `tidak lekang dek panas, tidak reput dek hujan'. Setiap orang Melayu tidak mempunyai jalan lain yang lebih luhur, melainkan memastikan Umno terus kuat, diterima oleh semua orang Melayu, padu dan tidak mudah dirobekkan oleh anasir yang memang mahu melihat orang Melayu berpecah-belah.

Sama ada ia dicetuskan dari dalam atau luar parti, kedua-duanya adalah sama bahayanya kepada masa depan Umno dan orang Melayu serta negara. Memang Umno sudah menempuh pelbagai dugaan, malah dugaan yang lebih besar pun dapat dihalang. Tetapi, ketika negara menghadapi pelbagai masalah, ketika ada kuasa luar cuba melemahkan perpaduan negara, sepatutnya semua rakyat memperkuat benteng pertahanan. Tetapi, apa yang berlaku hari ini, ada orang Melayu sendiri mendokong slogan kuasa itu.

(END)